

PENGIMBUHAN

Isi tempat kosong dengan pekataan berimbuhan yang betul.

1 Semua murid dikehendaki _____ di dewan sekolah.

- A mengumpul
- B berkumpul
- C kumpulan
- D dikumpul

2 Farah ialah anak _____ dalam keluarganya.

- A kedua
- B berdua
- C berduaan
- D berdua-duaan

3 Budak itu _____ ke dalam rumahnya.

- A pelari
- B berlari
- C dilarikan
- D melarikan

4 Daging itu _____ oleh anjing.

- A memakan
- B termakan
- C pemakan
- D dimakan




Soalan 5 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

- 5 Bas yang dinaiki oleh Amir telah _____ dalam kemalangan.
- A penglibatan
 - B melibatkan
 - C terlibat
 - D dilibat
- 6 Surat itu _____ oleh Amirah.
- A penulis
 - B tuliskan
 - C menulis
 - D ditulis
- 7 Fatimah amat _____ oleh ibu saudaranya.
- A dikasihi
 - B mengasihi
 - C berkasih
 - D pengasih
- 8 Imran _____ pasukan bola sepak sekolahnya ke pertandingan peringkat zon.
- A tertua
 - B diketuai
 - C mengetuai
 - D kepengetuaan
- 9 Apabila adik _____ daripada tidur, dia terus menangis.
- A menjaga
 - B berjaga
 - C terjaga
 - D dijaga

Soalan 10 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

- 10 Pesawah itu _____ di bawah pokok kerana penat bekerja.
- A ditidur
 - B tertidur
 - C menidur
 - D ketiduran


11 Banglo lama itu merupakan antara banglo _____ di kawasan tersebut.

- A terbesar
- B dibesarkan
- C membesar
- D kebesaran

12 Bapanya _____ salah seorang pekerja untuk memantau tapak projek yang baharu.

- A diarah
- B terarah
- C mengarah
- D mengarahkan

Soalan 13 berdasarkan Gambar 3



Gambar 3


13 Aizzat _____ buku hingga larut malam.

- A membaca
- B pembaca
- C terbaca
- D dibaca

14 Kuih karipap itu _____ oleh ibu saya.

- A dibuat
- B terbuat
- C pembuat
- D membuat

Soalan 15 berdasarkan Gambar 4



Gambar 4

15 Dia masih _____ sejak kematian ibunya.

- A bersedih
- B penyedih
- C menyedih
- D kesedihan

Soalan 16 berdasarkan Gambar 5



Gambar 5

16 Nor Fatini sedang _____ rawatan di hospital.

- A menerimakan
- B penerimaan
- C menerima
- D diterima


17 Rumah papan itu pernah saya _____ ketika kecil dahulu.

- A kedudukan
- B penduduk
- C diduduk
- D duduki

18 Sayur yang _____ itu layu kerana tidak direnjis dengan air.

- A didedah
- B terdedah
- C mendedah
- D pendedahan

Soalan 20 berdasarkan Gambar 6




Gambar 6

- 19 Posmen sedang _____ surat ke dalam peti surat itu.
- A dimasukkan
 - B dimasuki
 - C kemasukan
 - D memasukkan

20 Semua borang _____ hendaklah sampai kepada pihak penganjur seminggu sebelum pertandingan.

- A disertai
- B disertakan
- C penyertaan
- D menyertai

Soalan 21 berdasarkan Gambar 7



Gambar 7

- 21 Norhidayah telah diisytiharkan sebagai olahragawati _____ dalam sukan tahunan sekolahnya.
- A sebaik
 - B terbaik
 - C kebaikan
 - D membaiki

22 Kita sepatutnya tidak _____ hati kedua ibu bapa.

- A bersakit
- B kesakitan
- C menyakitkan
- D berpenyakit

23 Syamil menggeletar kerana _____ selepas mandi.

- A disejuk
- B penyejukan
- C menyejukkan
- D kesejukan



24 Enjin kereta Wira itu tidak dapat dihidupkan kerana _____ minyak.

- A habiskan
- B kehabisan
- C dihabiskan
- D menghabiskan


25 Pada minggu hadapan Persatuan Bahasa Melayu sekolah saya akan mengadakan _____ menulis karangan.

- A diadu
- B beradu
- C mengadu
- D peraduan

26 Pak Murad _____ pengalaman semasa pemerintahan Jepun.

- A menceritakan
- B penceritaan
- C bercerita
- D dicerita

Soalan 27 berdasarkan Gambar 8



27 Ahmad mendapat tempat _____ dalam acara lari 200 meter.


- A diakhir
- B terakhir
- C berakhir
- D mengakhiri

28 Fahmi faham akan _____ hidup yang dihadapi oleh keluarganya.

- A kesusahan
- B bersusah
- C disusahi
- D disusah


- 29 Semua peserta dikehendaki _____ borang sebelum menyertai pertandingan.
- A diisi
 - B berisi
 - C mengisi
 - D mengisikan
- 30 Orang kaya yang murah hati itu suka melakukan kebajikan dan _____ orang-orang miskin.
- A menolong
 - B ditolongkan
 - C pertolongan
 - D menolongkan

Soalan 31 berdasarkan Gambar 9



- 31 Emak sedang _____ air teh sambil diperhatikan oleh kakak dan adik.
- A dituang
 - B dituangi
 - C menuang
 - D menuangkan
- 32 Abang dilarang _____ dengan budak-budak di simpang jalan itu kerana mereka kacang hantu.
- A berkawankan
 - B berkawan
 - C dikawani
 - D kawani
- 33 _____ kes pembunuhan biasanya mengambil masa yang agak lama oleh mahkamah untuk diselesaikan.
- A Pembicaraan
 - B Perbicaraan
 - C Berbicara
 - D Dibicara

Soalan 34 berdasarkan Gambar 10




Gambar 10

- 34 Sebaik sahaja sampai di rumah, abang _____ badan untuk berehat.
- A membaringkan
 - B berbaringkan
 - C membaring
 - D dibaring

- 35 Air mata Izzatul mula _____ pipinya takkala mengingati kembali peristiwa silam yang sangat menyayat hatinya.
- A dibasahi
 - B terbasah
 - C membasah
 - D membasahi

- 36 Celik komputer ialah prasyarat untuk _____ jawatan yang ditawarkan itu.
- A permohonan
 - B memohon
 - C pemohon
 - D dipohon

Soalan 37 berdasarkan Gambar 11



Gambar 11

- 37 Ketika dalam perjalanan, kakak singgah di sebuah warung untuk _____ air tebu.
- A dibeli
 - B belikan
 - C membeli
 - D pembelian

- 38 Syarikat elektronik itu memperoleh _____ yang banyak pada tahun ini.
- A diuntung
 - B beruntung
 - C keuntungan
 - D menguntungkan


39 Ibu _____ minuman petang dengan sepiring kuih lapis kegemaran ayah.

- A menyediakan
- B kesediaan
- C penyediaan
- D disediakan

40 Kejayaannya dalam peperiksaan itu amat _____ ibu bapanya.

- A gembira
- B tergembira
- C bergembira
- D menggembirakan

Soalan 41 berdasarkan Gambar 12



Gambar 12

41 Perajurit yang gagah berani itu telah _____ sewaktu mempertahankan tanah airnya.

- A pengorbanan
- B berkorban
- C terkorban
- D dikorban


42 Semua peserta _____ bahas telah diberikan taklimat sebelum pertandingan bermula.

- A bertanding
- B menandingi
- C pertandingan
- D ditandingkan

43 Cendekiawan _____ memberikan idea untuk menangani masalah ponteng dalam kalangan pelajar sekolah.

- A mempelawa
- B pelawaan
- C dipelawa
- D pelawa

Soalan 44 berdasarkan Gambar 13



Gambar 13

- 44 Izzah jatuh _____ apabila terlanggar tunggul kayu itu.
- A bersungkur
 - B tersungkur
 - C disungkur
 - D sungkur


45 Nur Shiela berusaha _____ diri dengan kawan-kawan di sekolah baharunya.

- A disesuaikan
- B menyesuaikan
- C bersesuaian
- D menyesuaikan

46 Para pelajar _____ akan istilah bahasa Inggeris yang disiarkan petang semalam.

- A perkataan
- B mengatakan
- C diperkatakan
- D memperkatakan

Soalan 47 berdasarkan Gambar 14



Gambar 14


47 Penduduk kampung itu telah menemui dua orang mangsa bot karam _____ di tepi pantai.

- A didamparkan
- B didampari
- C berdampar
- D terdampar

48 Murid-murid di sekolah itu _____ dengan rakaman lagu asli semasa pelajaran muzik.

- A didengar
- B diperdengar
- C diperdengarkan
- D memperdengarkan

Soalan 49 berdasarkan Gambar 15



Gambar 15


49 Wajah Munirah menjadi pucat kerana _____ seekor ular tedung di halaman rumah.

- A ternampak
- B menampak
- C ternampakkan
- D menampakkan

50 Encik Khalid selalu lewat pulang ke rumah kerana _____ dalam kesesakan jalan raya.

- A diperangkapkan
- B memerangkap
- C terperangkap
- D diperangkap

Soalan 51 berdasarkan Gambar 16



Gambar 16

51 Adik Fahmi menangis kerana jarinya _____ pada pintu pagar rumahnya.

- A menyepit
- B penyepit
- C tersepit
- D disepit


52 Cadangan yang telah dikemukakan oleh persatuan itu telah mendapat _____ yang hebat.

- A kritik
- B dikritik
- C kritikan
- D mengkritik

53 Firdaus berlari dengan pantas apabila _____ suara budak menangis ketika melalui kawasan hutan yang sunyi itu.

- A didengar
- B terdengar
- C kedengaran
- D pendengaran

Soalan 54 berdasarkan Gambar 17



Gambar 17

54 Sebuah kapal terbang telah _____ ke dalam laut setelah mengalami kerosakan enjin.

- A menjunam
- B berjunam
- C terjunam
- D dijunam


55 Sudah sekian lama orang gaji itu _____ oleh tuannya yang zalim.

- A diperhamba
- B perhambakan
- C diperhambakan
- D memperhambakan

56 Pembinaan jalan raya itu _____ oleh pihak kerajaan memandangkan keperluannya kepada masyarakat.

- A mempercepat
- B percepatkan
- C dipercepat
- D tercepat

Soalan 57 berdasarkan Gambar 18



Gambar 18

57 Ikhwan jatuh _____ akibat terpijak kulit pisang semasa melalui jalan untuk menuju ke kantin sekolah.

- A terduduk
- B berduduk
- C keduduk
- D diduduk

58 Puan Bahiyah mempunyai sebilah pisau yang _____ dan boleh digunakan untuk memotong sayur, daging dan menggunting daun.

- A dikilat
- B berkilat
- C pengilat
- D mengilat

- 59 _____ konsert di Dewan Budaya itu dimulai dengan tarian inang oleh kumpulan Tarian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- A Persembahan
 - B Disembahkan
 - C Menyembahkan
 - D Dipersembahkan
- 60 Peminat-peminat bola sepak hadir _____ sokongan dan tepukan gemuruh kepada pasukan Perlis Stadium Perak semalam.
- A memberi
 - B diberikan
 - C pemberian
 - D memberikan

IMBUHAN

SKEMA JAWAPAN

- | | | | |
|-----|---|-----|---|
| 1. | B | 31. | C |
| 2. | A | 32. | B |
| 3. | B | 33. | B |
| 4. | D | 34. | A |
| 5. | C | 35. | D |
| 6. | D | 36. | B |
| 7. | A | 37. | C |
| 8. | C | 38. | C |
| 9. | A | 39. | A |
| 10. | B | 40. | D |
| 11. | A | 41. | C |
| 12. | D | 42. | C |
| 13. | A | 43. | C |
| 14. | A | 44. | B |
| 15. | A | 45. | D |
| 16. | C | 46. | D |
| 17. | D | 47. | D |
| 18. | B | 48. | C |
| 19. | D | 49. | A |
| 20. | C | 50. | C |
| 21. | B | 51. | C |
| 22. | C | 52. | C |
| 23. | D | 53. | B |
| 24. | B | 54. | C |
| 25. | D | 55. | C |
| 26. | A | 56. | C |
| 27. | B | 57. | A |
| 28. | A | 58. | B |
| 29. | C | 59. | A |
| 30. | A | 60. | D |



